

APLIKASI KAEDAH AKRONIM DAN CARTA KaBoJa DALAM MEMBANTU MURID MENULIS HURUF JAWI TUNGGAL PENDIDIKAN ISLAM

ABDUL KARRIM BIN ABD. GHANI

karrim48@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membantu murid Tahun Satu mengenai penggunaan kaedah Akronim dan Carta KaBoJa dalam menulis huruf-huruf jawi tunggal dengan betul. Peserta kajian adalah seramai tiga orang dari kelas Tahun Satu. Penyelidik menggunakan empat jenis instrumen pengumpulan data iaitu latihan sebelum dan selepas, pemerhatian, temu bual dan penelitian dokumen. Hasil daripada kajian menunjukkan bahawa penggunaan kaedah Akronim dan Carta KaBoJa telah memberi kesan positif terhadap penguasaan kemahiran menulis huruf-huruf tunggal jawi. Peningkatan purata peratusan skor ketiga-tiga orang murid dalam menulis huruf jawi tunggal menggunakan kaedah ini meningkat daripada 50% kepada 100% melalui hasil latihan sebelum dan selepas yang telah dijalankan. Hasil daripada pemerhatian juga, murid lebih cenderung kepada akronim berpandukan bahan bagi memudahkan mereka mengingat. Kajian ini boleh dikembangkan lagi dengan memasukkan unsur teknologi bagi mencapai hasil yang maksimum.

Kata kunci: *Kaedah Akronim dan Carta KaBoJa, huruf jawi tunggal, kemahiran menulis, mengingat, akronim berpandukan bahan*

PENGENALAN

Seorang guru perlulah bijak dan kreatif dalam mengendalikan proses PdPc bagi mengelak murid bosan semasa pengajaran. Assna (2009), menjelaskan bahawa murid amat menggemari seseorang guru yang kreatif, bertanggungjawab, prihatin dan mempunyai personaliti yang menghiburkan. Dalam Pendidikan Islam sekolah rendah, terdapat tujuh bidang yang perlu dikuasai oleh murid dan salah satunya ialah bidang jawi. Walaupun ramai yang mahir membaca jawi, namun agak sedikit yang mahir dalam penulisan jawi. Oleh hal yang demikian, bagi mencapai objektif pembelajaran yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan juga Falsafah Pendidikan Islam, murid perlu mahir dalam kedua-dua kemahiran tersebut.

Refleksi Pengajaran dan Pembelajaran

Menurut Chow dan Jaizah (2011), refleksi adalah satu situasi untuk menjana perubahan perspektif terhadap sesuatu situasi atau menjana pembelajaran baharu bagi seseorang individu. Sepanjang menjalani Praktikum di Sekolah Kebangsaan Bujang Lapok Kuching (bukan nama sebenar), saya telah diamanahkan untuk mengambil pengajaran dan pemudah cara (PdPc) Pendidikan Islam Tahun Satu dan Al-Quran Tahun Empat.

Sepanjang menjalani Praktikum di Sekolah Kebangsaan Bujang Lapok ini juga, saya telah melakukan pemerhatian ke atas beberapa orang murid yang diajar terutamanya murid Tahun 1 Cemerlang. Melalui pemerhatian yang telah jalankan sepanjang proses PdPc, terdapat tiga orang murid yang didapati paling banyak melakukan kesalahan apabila saya meminta setiap seorang daripada mereka menulis di papan putih. Kedudukan huruf jawi tunggal yang mereka tulis banyak yang salah dan mereka menganggap itu adalah cara penulisan yang betul. Saya menegur kemudian menunjukkan cara penulisan yang betul. Pada hari kelas jawi yang lainnya, mereka

melakukan kesilapan yang sama. Hal ini mendorong saya mencari inisiatif untuk membantu mereka supaya tidak melakukan kesilapan yang sama berulang kali.

Saya juga telah mengedarkan lembaran kerja kepada murid. Lembaran kerja ini mengandungi latihan cara penulisan huruf tunggal jawi dengan betul berdasarkan tajuk yang mereka telah pelajari. Namun demikian, terdapat tiga orang murid yang memang banyak melakukan kesalahan dari segi kedudukan huruf jawi tunggal. Masa untuk mengajar berkaitan penulisan huruf dengan betul agak kurang kerana saya mengajar jawi hanya satu waktu seminggu. Masa tersebut agak tidak mencukupi untuk memperbaiki kemahiran murid dalam menulis kedudukan huruf jawi tunggal dengan betul. Oleh hal yang demikian, saya telah mencari inisiatif lain dan berhasrat untuk membuat satu kajian yang berkait rapat dengan amalan PdPc yang berkesan dalam memastikan murid-murid dapat menulis huruf-huruf jawi tunggal dengan betul.

Pengumpulan Data Awal

Pemerhatian digunakan untuk merekodkan tingkah laku dan interaksi responden dalam kajian yang dijalankan (Rosinah Edinin, 2012). Kaedah pemerhatian yang digunakan dalam kajian ini ialah nota lapangan yang bertujuan untuk mengenalpasti dan memerhati perubahan tingkah laku murid dan tindak balas mereka. Selain itu, saya juga telah menggunakan lembaran kerja kepada murid sebagai latihan sebelum untuk tujuan penganalisan data. Bentuk lembaran kerja digunakan supaya memudahkan saya menyemak dan melihat murid yang bermasalah dalam menulis huruf jawi tunggal. Saya telah meneliti hasil kerja murid melalui Latihan Sebelum Tindakan yang diagihkan kepada mereka. Saya telah menganalisis cara penulisan huruf jawi tunggal yang ditulis peserta kajian dalam latihan tersebut. Seterusnya, saya telah melakukan temu bual terhadap guru Pendidikan Islam untuk kelas tersebut. Segala perbincangan atau isu yang berkaitan sepanjang proses temu bual dengan guru tersebut, telah dicatat dan direkodkan. Tambahan pula, saya telah menjalankan temu bual sebelum dan selepas tindakan. Rajah 1 menunjukkan transkrip temu bual yang dijalankan bersama Guru Pendidikan Islam (GPI), Ustazah Ana (bukan nama sebenar) pada 20 Julai 2017.

TEMU BUAL (20 Julai 2017)
UK: Ustaz Kamim (Saya)
UA: Ustazah Ana (GPI)

UK: mereka memang menulis jawi mcm ni kh?
UA: Ya ustaz. saya dah tunjuk cara menulis **banyak kali** tapi masih jugak dorang **tak ingat** kedudukan huruf dia.
UK: tak ada cuba cara lain?
UA: setakat ni tak ada sebab sebelum ni hanya **kaedah tunjuk cara** sahaja kami guna. Benda ni pun tidak ditekankan sangat.

Rajah 1. Transkrip Temu Bual Yang Bertarikh 20 Julai 2017

FOKUS KAJIAN

Kebolegunaan

Aspek yang dititikberatkan ialah aspek kebolegunaan yang merupakan salah satu aspek yang penting kerana kualiti kajian yang baik perlu mempunyai aspek ini. Dalam kajian ini, saya berharap agar kajian yang dilakukan kali ini fleksibel dan dapat memberi manfaat kepada guru-guru lain terutamanya guru Pendidikan Islam di sekolah rendah. Hasil daripada kajian yang dilakukan ini diharap dapat digunakan oleh guru-guru dalam meningkatkan pencapaian murid di sekolah secara amnya dan dalam subjek Pendidikan Islam secara khususnya. Kaedah 'Akronim dan Carta KaBoJa' ini mungkin boleh memberi suntikan semangat kepada para guru dan

seterusnya dapat mengurangkan kekeliruan dan masalah menulis kedudukan huruf jawi tunggal.

Di samping itu, saya juga amat menitikberatkan aspek kerelevanan kajian terhadap sekolah. Sepanjang penelitian saya terhadap kajian yang dilakukan, kajian ini sangat relevan kerana berkait rapat dengan sukatan yang digunakan di sekolah kini. Satu implikasi yang besar mungkin akan tercetus daripada kajian ini terhadap sekolah iaitu membantu murid menguasai cara menulis kedudukan huruf jawi tunggal dengan betul dan menyuburkan lagi minat murid dalam pengajian ilmu berkaitan jawi.

OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

- Membantu murid membezakan kedudukan penulisan huruf jawi tunggal menggunakan kaedah 'Akronim dan Carta KaBoJa'.
- Membantu mengurangkan kekeliruan murid dalam menulis huruf jawi tunggal dengan menggunakan kaedah 'Akronim dan Carta KaBoJa'.
- Menambahbaik amalan Pengajaran dan Pembelajaran dalam bidang jawi dengan menggunakan kaedah 'Akronim dan Carta KaBoJa' untuk menulis kedudukan huruf jawi tunggal dengan betul.

Persoalan Kajian

- Adakah kaedah 'Akronim dan Carta KaBoJa' ini dapat membantu murid membezakan kedudukan huruf jawi tunggal?
- Adakah kaedah 'Akronim dan Carta KaBoJa' membantu murid mengurangkan kekeliruan dalam menulis huruf jawi tunggal?
- Bagaimanakah penggunaan 'Akronim dan Carta KaBoJa' ini dapat menambahbaik amalan pengajaran dan pemudah cara (PdPc) guru dalam bidang jawi?

PESERTA KAJIAN

Jadual 1

Maklumat Peserta Kajian

Peserta Kajian	Nama Panggilan	Ciri-Ciri / Tahap Pencapaian
1	Zakwan	<ul style="list-style-type: none"> • Lelaki • Murid tahun 1 • Seorang yang aktif • Lemah dalam penulisan jawi huruf tunggal
2	Aisyah	<ul style="list-style-type: none"> • Perempuan • Murid tahun 1 • Suka bersendirian • Lemah dalam penulisan jawi huruf tunggal
3	Dania	<ul style="list-style-type: none"> • Perempuan • Murid tahun 1 • Pendiam dalam kelas • Lemah dalam penulisan jawi huruf tunggal

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Sesi 1 (2 Ogos 2017)

Pada hari ini, perkara pertama yang saya lakukan ialah berjumpa dengan guru besar sekolah tersebut untuk memaklumkan mengenai kajian yang akan dijalankan terhadap beberapa orang murid di sekolah tersebut. Setelah berjumpa dengan guru besar, beliau menerima kajian tersebut dan memberi izin untuk saya menjalankan kajian.

Sebelum memulakan pelaksanaan tindakan, saya telah menerangkan beberapa aspek utama mengenai kajian tersebut kepada guru pembimbing. Setelah berbincang, saya mengambil keputusan untuk melaksanakan tindakan pada masa luar PdPc seperti masa tasmī', dan masa "sit-in". Dari aspek lain, alasan saya menggunakan masa ini adalah bagi mengelakkan daripada mengganggu masa PdPc dan mengelak murid tercicir dalam pelajaran untuk beberapa topik PdPc. Selesai perbincangan dengan guru pembimbing, saya melakukan perjumpaan kepada tiga orang peserta kajian iaitu Dania, Aisyah, dan Zakwan sebelum memulakan PdPc. Dalam perjumpaan ini, saya menyerahkan borang kebenaran kajian kepada setiap seorang daripada mereka untuk diserahkan kepada ibu bapa masing-masing. Dalam pada itu, saya telah menerangkan kebaikan dan tujuan utama saya melakukan kajian ini terhadap mereka. Peserta kajian seramai tiga orang tersebut dengan rela hati setuju untuk bekerjasama dengan saya sepanjang proses tindakan berlaku.

Sesi 2 (8 Ogos 2017)

Saya meminta peserta kajian membuat Latihan Sebelum Tindakan. Dalam latihan ini, terdapat soalan yang meminta mereka untuk menulis huruf tunggal jawi mengikut kedudukan dengan betul. Soalan tersebut mengandungi 20 soalan dan masa yang diperuntukkan untuk menjawab latihan tersebut adalah sebanyak sepuluh minit. Sebaik sahaja selesai melakukan latihan sebelum tindakan, saya meminta setiap murid menghantar semula latihan tersebut untuk disemak dan dianalisis meneruskan langkah seterusnya.

Sesi 3 (15 Ogos 2017)

Setelah saya menyemak keseluruhan latihan sebelum tindakan, saya mendapati banyak kesilapan yang dilakukan oleh murid terutamanya dari aspek kedudukan huruf jawi tunggal. Rentetan daripada masalah ini, maka saya ingin mengaplikasikan bahan yang telah dibuat iaitu bahan "Akronim dan Carta KaBoJa". Saya berjumpa dengan tiga orang peserta kajian. Ketiga-tiga peserta kajian masih kurang lancar dalam menulis huruf jawi tunggal.

Saya memulakan PdPc dengan sesi soal jawab mengenai huruf jawi tunggal yang sudah dipelajari pada sesi PdPc yang lalu. Saya meminta mereka menyebut huruf-huruf tunggal dalam bentuk nyanyian seperti yang sudah diajar. Peserta kajian dapat menyebut huruf-huruf tunggal dengan fasih dan lancar tanpa merujuk rujukan lain. Kaedah nyanyian yang digunakan pada awal sesi ini adalah sebagai set induksi ataupun langkah awal sebelum saya mengaplikasikan bahan "Akronim dan Carta KaBoJa".

Latihan Sebelum Tindakan yang sudah disemak dan dianalisis telah diagihkan semula masing-masing kepada ketiga-tiga orang peserta kajian tersebut. Tujuan utama saya mengagihkan Latihan Sebelum Tindakan ini adalah bagi memastikan peserta kajian meneliti semula kesalahan yang mereka lakukan dalam latihan tersebut. Kemudian, saya menunjukkan bahan kajian iaitu "Akronim dan Carta KaBoJa" kepada mereka. Saya menerangkan konsep dan cara penggunaan bahan tersebut kepada peserta kajian yang mana secara umumnya konsep dan teori yang

utama digunakan dalam bahan tersebut ialah konsep apungan. Konsep ini diaplikasikan dalam bentuk kapal layar dan bola sepak yang secara umumnya sudah diketahui oleh ketiga-tiga orang peserta tersebut. Apabila kedua-dua objek tersebut iaitu kapal layar dan bola sepak berada di laut, kedua-duanya terapung, namun berbeza dari segi tahap apungan. Kapal saiznya lebih besar dan berat menyebabkan ia tenggelam sebahagian tapaknya dalam air, manakala berbeza dengan bola yang lebih ringan dan menyebabkan bola tidak tenggelam pun dalam air, malah terapung selari dengan paras air laut.

Kemudian, saya mengaitkan konsep ini dengan kedudukan huruf tunggal di atas garisan. Garisan diibaratkan dengan paras air laut, manakala huruf jawi tunggal masing-masing dikaitkan dengan kedudukan kapal dan bola. Rentetan daripada itu, saya menerangkan dengan lebih ringkas dengan membahagikan huruf jawi tunggal kepada dua kategori, iaitu huruf yang terapung sebahagian (huruf dalam kapal) dan huruf yang terapung keseluruhan (huruf dalam bola). Di samping itu, saya membimbing mereka cara untuk menulis kedudukan huruf tersebut mengikut langkah demi langkah yang betul berdasarkan bahan "Akronim dan Carta KaBoJa". Pada akhirnya, saya mengedarkan latihan pengukuhan kepada peserta kajian. Seusai habis menjawab, peserta menghantar latihan pengukuhan untuk disemak. Hasil semakan dan pemerhatian, ternyata masih terdapat beberapa kekurangan dalam kajian tersebut dari pelbagai aspek dan perlu untuk diperbaiki.

Sesi 4 (6 September 2017) (Lingkar 2)

Saya membuat keputusan untuk melakukan lingkaran kedua bagi kajian tersebut selari dengan model yang telah dipilih iaitu model Stephen Kemmis. Hal ini disebabkan saya ingin memperbaiki dan menambahbaik kajian tersebut melalui beberapa aspek yang telah dikenalpasti daripada kekurangan selepas tindakan dalam lingkaran pertama. Beberapa penambahbaikan mengenai bahan telah ditambahbaik berdasarkan kepada masalah atau isu yang timbul semasa lingkaran pertama dilaksanakan.

Selain itu, saya telah menambah satu lagi huruf seperti yang terdapat dalam buku teks Tahun Satu iaitu huruf hamzah. Oleh yang demikian, saya telah meletakkan huruf hamzah di atas kepala kura-kura yang sedang berenang atas air menandakan huruf hamzah berada atas garisan dalam buku teks namun boleh berubah kedudukannya berdasarkan beberapa situasi perkataan. Saya memilih untuk meletakkan huruf hamzah atas kura-kura adalah disebabkan kedudukan kura-kura yang berubah-ubah. Jika dilihat dari sudut lain pula, saya telah menambahbaik bahan dengan menambahkan awan dan memasukkan akronim "SoLeH SaNG MUQoRNI (صلح سغ موقرنی)" pada bahagian kapal layar, dan akronim "ADaB PaK ToHa (ادب فك طه)" pada bahagian bola dalam awan tersebut. Penambahan awan ini adalah bagi mengemaskan lagi hiasan bagi menarik minat murid terhadap bahan "Akronim dan Carta KaBoJa".

Tambahan pula, saya mengubah cara pendekatan daripada penerangan semata-mata kepada penerangan menggunakan bahan maujud iaitu kapal mainan dan bola mainan. Pendekatan ini diaplikasi sebelum saya menggunakan bahan "Akronim dan Carta KaBoJa". Semasa tindakan untuk lingkaran dua dijalankan, saya membawa objek kapal layar mainan dan bola kecil, kemudian saya memasukkan kedua-dua objek tersebut dalam sebuah besen yang berisi air. Kapal dan bola mainan digunakan bagi menerangkan kedudukan kapal dan kedudukan bola apabila berada di atas air. Selesai proses pembacaan huruf tunggal tersebut, saya menerangkan huruf yang hampir sama bentuk dan sama cara penulisannya kepada peserta kajian. Rajah 2 merupakan bahan "Akronim dan Carta KaBoJa".









Rajah 2. Bahan “Akronim dan Carta KaBoJa”

Pada akhir kelas sebagai langkah terakhir, saya telah mengedarkan satu lembaran kerja iaitu Latihan Selepas Tindakan. Latihan ini lebih berkisar mengenai latihan penulisan huruf yang betul di atas garisan. Tempoh masa yang diberikan kepada mereka untuk menyiapkan lembaran tersebut adalah dalam masa 10 minit dan menghantar ke hadapan selepas selesai menjawab soalan dalam lembaran tersebut.

DAPATAN KAJIAN


Dalam kajian penyelidikan ini, saya telah menggunakan empat jenis kaedah menganalisis data iaitu nota lapangan, rakaman video, temu bual, dan analisis dokumen. Melalui analisis dokumen, latihan Sebelum dan Selepas Tindakan merupakan sebuah cara untuk mengutip data bagi mengesan dan menilai tahap kefahaman murid terhadap sesuatu pelajaran yang dipelajari. Latihan ini mempunyai dua bentuk iaitu berbentuk lisan dan bertulis. Saya telah membuat keputusan untuk melakukan latihan berbentuk bertulis. Bagi Latihan Sebelum Tindakan, saya telah menjalankannya pada tarikh 16 Ogos 2017 manakala Latihan Selepas Tindakan untuk lingkaran kedua pula dijalankan pada tarikh 06 September 2017. Hasil kedua-dua latihan ini telah diperincikan dalam analisis dokumen. Analisis dokumen digunakan untuk melihat lembaran kerja yang diberikan kepada murid sebelum dan selepas pelaksanaan. Sebagai bukti pelaksanaan, saya telah menampilkan perbandingan hasil latihan peserta kajian terhadap Latihan Sebelum dan Selepas Tindakan yang telah diberikan kepada mereka seperti dalam Rajah 3.

	Sebelum	Selepas Tindakan
Aishah	 11/20	 20/20
Zakwan	 8/20	 20/20
Dania	 11/20	 20/20

Rajah 3. Markah Latihan Sebelum dan Selepas Tindakan

Saya telah menganalisis dan menyemak markah peserta kajian dalam latihan ini. Pada mulanya semasa Latihan Sebelum Tindakan, terdapat dua orang peserta kajian mendapat markah yang sama iaitu Dania dan Aishah dengan peratusan markah 55%. Manakala seorang peserta kajian mendapat peratusan markah 40% iaitu Zakwan dan markah ini berpotensi untuk gagal jika tidak dibimbing dengan cara menulis yang betul. Namun, secara keseluruhannya, saya simpulkan kesemua peserta kajian masih belum menguasai cara penulisan huruf jawi tunggal dan masih keliru kedudukan huruf yang betul.

Kesemua peserta kajian menunjukkan peningkatan pencapaian yang positif selepas tindakan dijalankan. Melalui Latihan Sebelum Tindakan, markah tertinggi yang diperoleh peserta kajian iaitu gred C, iaitu dalam kategori memuaskan dan masih kurang menguasai cara penulisan. Selepas saya mengaplikasikan kaedah “Akronim dan Carta KaBoJa” pada lingkaran pertama iaitu pada 23 Ogos 2017, peserta kajian mula menunjukkan impak positif apabila mendapat pencapaian tertinggi iaitu gred A, dan cuma seorang masih mendapat gred B yang masih dikategorikan dalam proses menguasai. Namun, setelah ditambahbaik kekurangan pengajaran dan bahan, saya menjalankan lingkaran kedua iaitu pada 6 September 2017. Perkara ini dapat dibuktikan melalui Latihan Sebelum Tindakan terhadap ketiga-tiga orang peserta kajian dan keputusan mereka cemerlang iaitu pada gred A. Rajah 4 menggambarkan graf peratusan perbandingan markah Latihan Sebelum dan Selepas.



Rajah 4. Graf Peratusan Perbandingan Markah Latihan Sebelum dan Selepas

Berdasarkan Rajah 4, peningkatan mendadak ditunjukkan oleh peserta kajian selepas tindakan. Zakwan meningkat 60%, manakala Dania dan Aishah pula masing-masing meningkat sebanyak 45%. Tampak jelas di sini bahawa peserta kajian sudah dapat menguasai cara menulis huruf jawi tunggal dengan betul menggunakan kaedah “Akronim dan Carta KaBoJa”.

REFLEKSI

Setelah kajian dilaksanakan, saya mendapati peserta kajian semakin mahir dalam menulis huruf jawi tunggal berbanding sebelumnya. Hal ini dibuktikan melalui latihan yang dijalankan pada akhir pelaksanaan kajian yang menunjukkan perbezaan yang ketara dari segi jawapan peserta kajian yang betul semasa menjawab latihan sebelum dan latihan selepas. Kemahiran mereka dalam menulis dapat ditingkatkan apabila peserta kajian dapat membezakan kedudukan huruf dalam penulisan. Berbeza pada sebelum ini, peserta kajian masih keliru untuk menulis dan mereka menulis sesuka hati kedudukan huruf tunggal dalam penulisan. Dalam pada itu, melalui kajian ini murid boleh mengingat huruf jawi tunggal dengan mudah kerana adanya kaedah “Akronim dan Carta KaBoJa”.

Hasil daripada penyelidikan ini, saya berpeluang untuk mencuba amalan yang baru dan berbeza daripada amalan pengajaran sebelum ini. Jika sebelum ini, kaedah yang digunakan hanya tunjuk cara dan berpusatkan guru semata-mata, namun setelah diaplikasikan kaedah yang dikaji ini, amalan sendiri dalam PdPc saya berubah kepada kaedah yang pelbagai. Setelah kajian dijalankan dalam sesi PdPc, sesi PdPc mula berpusatkan murid, dan lebih menggunakan bahan mautod. Tambahan juga, saya menambahkan motivasi dalam diri murid melalui bahan yang menarik dan berwarna-warni. Hal ini telah menarik minat mereka untuk belajar jawi dan mampu mengelakkan mereka daripada cepat bosan seterusnya mengelakkan mereka daripada tidak aktif dalam sesi PdPc.

Dari segi kurikulum Pendidikan Islam sekolah rendah, murid perlu menguasai cara menulis huruf jawi tunggal dengan betul. Hal ini kerana dalam subjek jawi, tajuk huruf jawi tunggal merupakan tajuk asas yang mesti dikuasai oleh setiap murid Tahun

Satu. Menurut Sharifah Nooraida (2015), keberkesanan dalam sesebuah pedagogi bergantung kepada tenaga pengajar sebagai penggerak bagi kurikulum yang digubal. Hasil dorongan ini yang menyebabkan timbulnya kajian saya mengenai cara menulis huruf jawi tunggal dengan betul.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Sebuah kreativiti perlu diinovasikan supaya idea yang berguna ini tetap utuh bak kata pepatah melayu, "tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas". Rentetan daripada itu, cadangan susulan terhadap kajian lanjutan saya ialah menambahbaik aspek kebolegunaan iaitu dengan menukar dalam bentuk teknologi, maklumat, dan komunikasi (TMK) sebagai "*Adobe Flash*". Konsep apungan masih boleh dikekalkan untuk membantu murid mengingat, dan boleh ditambahbaik dengan memasukkan permainan ataupun beberapa cara menulis dengan betul. Dengan penggunaan TMK ini, aspek kebolegunaan boleh ditingkatkan di mana guru-guru dan murid-murid boleh menggunakan dimana-mana. Bentuk TMK ini juga boleh menarik minat murid dan guru dalam mendalami subjek jawi.

RUJUKAN

Al-Qur'ān al-karīm

Ahmad Mohd Salleh. (2011). *Kurikulum Metodologi Dan Pedagogi Pengajian Islam*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Assna Jamali. (2009). *Meningkatkan Minat Membaca Perkataan Yang Mengandungi Suku Kata Terbuka Dan Tertutup Di Kalangan Murid-Murid Masalah Pembelajaran*. Latihan Ilmiah. Universiti Terbuka Malaysia.

Chow Fook Meng dan Jaizah Mahmud. (2011). *Kajian Tindakan: Konsep Dan Amalan Dalam Pengajaran*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.

Ismail Abbas, Fadzillah Mustapa, (2007) HBIS 1103 *Pengenalan Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: UNITEM Sdn. Bhd.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2014). *Buku Teks Pendidikan Islam Tahun 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2005). *Buku Panduan Pelaksanaan Model-Model Pengajaran, Pembelajaran, dan Kokurikulum j-QAF*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Dokumen Standard Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Islam Tahun Satu*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM). 2013.

Rosinah Edinin. (2012). *Penyelidikan Tindakan Kaedah Dan Penulisan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn Bhd.

Sharifah Nooraida Wan Hasan. (2015). *Pengajaran Pendidikan Hak Wanita Islam di Institut Pendidikan Guru di Malaysia*: Tesis PhD, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.